

Tidak ada sebarang tawaran
diberikan – Mahathir

UMNO TERIMA IBRAHIM ALI

UM 30 MARCH 1991
KUALA LUMPUR 30
Mac – Majlis Terting-
gi UMNO hari ini melulus-
kan permohonan empat be-
kas pemimpin Semangat 46
Kelantan, termasuk bekas
Ketua Pemuda parti itu,
Haji Ibrahim Ali menyertai
semula UMNO.

Majlis itu juga bersetuju melantik bekas
Naib Yang Dipertua Pas, Haji Nakhaie Ah-
mad sebagai Penolong Pegawai Penerangan
Ibu Pejabat UMNO.

Tiga orang bekas pemimpin Semangat 46
yang diterima ialah Ahli Dewan Undangan
Negeri Kelantan kawasan Sungai Pinang,
Encik Nordin Salleh, bekas Pemangku Ketua
Bahagian Tumpat, Encik Azmi Ali (adik Haji
Ibrahim Ali) dan bekas ahli jawatankuasa

Oleh
Mohd. Noor Che Mat
dan **Razak Ali**

bahagian Tumpat, Encik Abdullah Nor.

Dengan kemasukan Haji Ibrahim ke da-
lam UMNO, Barisan Nasional kini mempu-
nyai 128 kerusi di Dewan Rakyat. Kerusi
Semangat 46 pula tinggal tujuh.

Perkembangan ini juga bererti UMNO ki-
ni mempunyai satu kerusi dalam Dewan
Undangan Negeri Kelantan. Bagaimanapun
kedudukan ini tidak akan kekal lama kerana
Isnin ini undang - undang tubuh Negeri
Kelantan akan dipinda di mana ahli Dewan
yang bertukar parti secara automatik akan
hilang kerusinya.

Presiden UMNO, **Dato' Sri Dr. Mahathir**
Mohamad yang mengumumkan kemasukan
keempat - empat bekas pemimpin parti Se-
mangat 46 berkata, mereka mengemukakan
permohonan sehari dua yang lalu.

Tambah beliau, mereka
diterima sebagai ahli bia-
sa tanpa ditawarkan se-
barang jawatan.

Bercakap pada sidang
akhbar selepas mem-
perkerusi mesyuarat
MT di Ibu Pejabat UM-
NO di sini hari ini, Dato'
Sri Dr. Mahathir berkata,
memang menjadi dasar
UMNO menerima sesia-
pa sahaja orang Melayu
yang bersetuju dengan
perjuangan parti itu men-
jadi ahlinya.

"Kalau mereka ahli
parti pembangkang, per-
mohonan mereka hen-
daklah diluluskan oleh
MT," tambah beliau.

Mengenai perlantikan
Haji Nakhaie, Presiden
UMNO menjelaskan, ia
dibuat kerana MT ber-
pendapat beliau mempu-

LIHAT MUKA 17

UMNO TERIMA IBRAHIM ALI

UM 30 MAR 1991

nyai kebolehan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Mengulas perkara lain, Perdana Menteri memberitahu, Malaysia akan meneruskan usaha untuk mewujudkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (KEAT) walaupun Amerika Syarikat cuba memujuk beberapa buah nega-

ra termasuk Indonesia dan Jepun supaya menolak gagasan ini.

Katanya, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Rafidah Aziz akan ke Jepun menemui Perdana Menteri, Toshiki Kaifu dan Menteri Perdagangan negara itu untuk menjelaskan cadangan penubuhan KEAT.

"Jepun sebenarnya tidak menolak cadangan kita, Encik Kaifu sendiri akan melawat Malaysia hujung April ini.

"Saya sendiri telah berbincang dengan Presiden Suharto mengenai perkara itu dan beliau menyokong gagasan KEAT," jelas Perdana Menteri.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa KEAT bukanlah satu blok perdagangan tetapi sekadar mendapatkan pendirian bersama di kalangan anggota supaya dapat disuarakan dalam persidangan antarabangsa seperti Rundingan Uruguay dan Perjanjian Am Mengenai Tarif.

"Memang sudah menjadi dasar Amerika Syarikat tidak suka apabila ada negara lain menubuhkan sebarang badan yang ia tidak serta.

"Kita terima bahawa ini adalah pendirian mereka dan kita akan meneruskan usaha menubuhkan KEAT," katanya.

Mengenai kenaikan yuran pengajian institusi pengajian tinggi, beliau berkata, kabinet telah bersetuju dengan kenaikan itu tetapi menyerahkan kepada Kementerian Pendidikan untuk menentukan kadar kenaikan itu.

"Perbelanjaan pelajaran yang ditanggung oleh kerajaan amat tinggi, oleh itu, adalah penting mereka yang menuntut di universiti membuat perbelanjaan untuk pendidikan mereka."

"Ini kerana sesuatu yang diperolehi secara percuma kadang-kala tidak dihargai tetapi jika mereka terpaksa membayar, mereka akan tumpukan masa untuk belajar dan tidak dalam kegiatan-kegiatan lain," tambah Dato' Sri Dr. Mahathir.